

Model Tadbir Urus Tauliah Mengajar di Perlis: Analisis konseptual terhadap pelaksanaan, pengukuhan dan pengembangan ilmu

(Governance Model of Teaching Accreditation in Perlis: A conceptual analysis of implementation, strengthening and knowledge development)

***Nor Hanani Ismail¹, Rukhaiyah Abd. Wahab¹, Salmah Omar¹**

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah

*Corresponding Author: Nor Hanani Ismail (norhanani@uum.edu.my)

Received: Dec 8, 2025

Accepted: June 26, 2026

Online Published: June 30, 2026

ABSTRAK

Kajian ini membentangkan satu analisis konseptual terhadap model tadbir urus tauliah mengajar di Negeri Perlis dengan menumpukan kepada tiga komponen utama, iaitu pelaksanaan, pengukuhan, dan pengembangan ilmu. Kajian ini berasaskan Maqasid al-Shariah Augmented Framework serta prinsip *quality governance* dalam pendidikan Islam yang menekankan aspek ketelusan, akauntabiliti, dan penambahbaikan berterusan. Kaedah yang digunakan melibatkan analisis dokumentasi dan temu bual mendalam bersama pegawai Jabatan Mufti Negeri Perlis bagi memahami prosedur pelaksanaan tauliah, mekanisme pengukuhan, dan inisiatif pengembangan ilmu dalam kalangan pemegang tauliah. Dapatan menunjukkan bahawa sistem tauliah mengajar di Perlis beroperasi melalui tiga komponen utama: (i) Pelaksanaan berstruktur, meliputi proses permohonan, ujian bertulis, temuduga, tapisan keselamatan dan dasar pengecualian; (ii) Pengukuhan berterusan, melalui tempoh sah laku, pemantauan keaktifan, pembaharuan sijil serta program pemantapan seperti kursus dan simposium; dan (iii) Pengembangan ilmu, melalui pelantikan guru bertauliah, sistem pembiayaan berasaskan elaun serta pemantauan prestasi pengajaran secara berkala. Pendekatan Perlis yang terbuka kepada calon berpendidikan formal, tidak formal, dan antarabangsa menunjukkan satu bentuk tadbir urus yang seimbang antara pengawasan dan pemerkasaan keilmuan. Kajian ini mencadangkan model konseptual tadbir urus tauliah mengajar yang menekankan keseimbangan antara pelaksanaan, pengukuhan dan pengembangan ilmu sebagai asas pembentukan sistem penyampaian ilmu Islam yang berstruktur, berkualiti dan berkesan di peringkat negeri.

Kata kunci: Tadbir Urus Islam, Tauliah Mengajar, Pengembangan Ilmu, Perlis

ABSTRACT

This study presents a conceptual analysis of the governance model for teaching accreditation (tauliah mengajar) in the state of Perlis, focusing on three core components: implementation, strengthening, and knowledge development. The analysis is grounded in the Maqasid al-Shariah Augmented Framework (Mergaliyev et al., 2019) and the principles of quality governance in Islamic education, which emphasise transparency, accountability, and continuous improvement. The methodology employed includes document analysis and an in-depth interviews with officers from the Perlis State Mufti Department to examine the procedures for implementing teaching accreditation, reinforcement mechanisms, and knowledge development initiatives among accredited teachers. The findings reveal that the teaching accreditation system in Perlis operates through three foundational pillars: (i) Structured implementation, encompassing application procedures, written assessments, interviews, security screening, and exemption policies; (ii) Continuous strengthening, through validity periods, monitoring of teaching activity, certificate renewal, and capacity-building programmes such as courses and symposiums; and (iii) Knowledge development, through the appointment of accredited teachers, an allowance-based financing structure, and periodic evaluation of teaching performance. Perlis' openness to candidates from formal, non-formal, and international educational backgrounds reflects a governance model that balances regulatory oversight with the empowerment of scholarly competence. This study proposes a conceptual governance model for teaching accreditation that emphasises equilibrium between implementation, strengthening, and knowledge development as the basis for a structured, high-quality, and effective system of Islamic knowledge dissemination at the state level.

Keywords: *Islamic Governance, Teaching Accreditation, Knowledge Development, Perlis*

PENDAHULUAN

Berdasarkan *Maqasid al-Shariah Augmented Framework* (Mergaliyev et al., 2019), setiap bentuk tadbir urus Islam, sama ada dalam sektor kewangan, pentadbiran atau pendidikan agama, bertujuan memelihara objektif asas syariah seperti *hifz al-din* (pemeliharaan agama) dan *hifz al-'aql* (pemeliharaan akal). Dalam konteks ini, sistem tauliah mengajar di masjid bukan sekadar mekanisme kawalan terhadap aktiviti keagamaan, tetapi juga manifestasi tadbir urus berteraskan maqasid bagi menjamin keabsahan dan kesucian penyampaian ilmu Islam. Melalui proses saringan, ujian, temuduga, dan pemantauan yang sistematik, tauliah mengajar berperanan sebagai benteng utama dalam meminimumkan risiko penyebaran doktrin yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar, sekaligus memelihara kemurnian agama dan akidah umat Islam.

Konsep ini selaras dengan pendekatan *quality governance* dalam pendidikan Islam yang menekankan prinsip ketelusan, akauntabiliti, dan penambahbaikan berterusan (Jami & Muharam, 2022; Nurjaman et al., 2022). *Quality governance* bukan hanya tertumpu kepada

pematuhan peraturan, tetapi turut melibatkan usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti ilmu, profesionalisme pengajar, dan keberkesanan penyampaian pendidikan agama (Solikhin & Suwadi, 2022; Qodri et al., 2022). Oleh itu, sistem tauliah mengajar boleh dilihat sebagai bentuk *quality governance* yang menyeimbangkan keperluan kawalan autoritatif dengan pemeliharaan standard ilmu dan kompetensi pengajar. Pendekatan ini berupaya memastikan setiap pendakwah dan guru agama bukan sahaja memiliki kelayakan akademik, tetapi juga integriti moral, kematangan sosial, dan kefahaman mendalam terhadap nilai-nilai Islam (Saputro, 2020; Komsiyah, 2021).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam konteks Malaysia, setiap negeri mempunyai prosedur dan peraturan tauliah yang berbeza berdasarkan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Kajian Muhammad Nurdin Haikal et al. (2025) menegaskan perlunya pembangunan model standardisasi tauliah mengajar Islam di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan amalan antara negeri serta mengelakkan ketidaksamaan dari segi pelaksanaan dan kriteria kelayakan. Walau bagaimanapun, terdapat negeri yang memperlihatkan pendekatan lebih terbuka, sistematik dan inklusif dalam pelaksanaan pentauliah, termasuk memberi ruang kepada calon berpendidikan tidak formal dan membuka peluang kepada pemohon antarabangsa.

Pendekatan seumpama ini dapat dilihat di Negeri Perlis, yang menampilkan ciri tadbir urus tauliah yang seimbang antara pengawasan autoriti dan keterbukaan terhadap kepelbagaian latar belakang calon. Negeri ini turut menekankan aspek pemantauan berasaskan keaktifan pemegang tauliah, menyediakan elaun kepada tenaga pengajar bertauliah, serta mewajibkan penyertaan mereka dalam kursus dan simposium tahunan. Pelaksanaan sebegini memperlihatkan usaha serius ke arah pembinaan sistem tadbir urus keagamaan yang bukan sahaja berfungsi secara pentadbiran, tetapi juga bersifat *maqasidi* dan berorientasikan penjaminan kualiti ilmu Islam.

Walaupun sistem tauliah ini telah lama diamalkan, penyelidikan yang meneliti secara mendalam aspek tadbir urus, pelaksanaan, dan impaknya terhadap pengembangan ilmu masih terbatas. Maka, kajian ini dijalankan untuk meneliti model tadbir urus tauliah mengajar di Negeri Perlis dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan, mekanisme pengukuhan, dan implikasinya terhadap penyebaran ilmu Islam di peringkat masyarakat.

Walaupun sistem tauliah mengajar telah diwujudkan di setiap negeri bagi memastikan kawalan terhadap penyampaian ajaran Islam, namun pelaksanaannya berbeza dari segi kriteria, mekanisme penilaian, dan tahap pemantauan. Kajian terdahulu banyak menumpukan aspek perundangan dan pentadbiran tauliah, namun kurang memberi perhatian terhadap pendekatan tadbir urus dan pelaksanaannya di peringkat negeri secara terperinci. Negeri Perlis menunjukkan satu bentuk pelaksanaan yang unik bersifat terbuka, inklusif, dan menitikberatkan aspek pemantauan serta pengiktirafan berasaskan keaktifan. Walau bagaimanapun, belum ada kajian yang menganalisis pendekatan ini dalam kerangka maqasid syariah dan *quality governance* secara konseptual. Kajian ini dijalankan bagi meneliti secara mendalam sistem tadbir urus tauliah mengajar di Negeri Perlis melalui tiga fokus utama. Pertama, kajian ini menganalisis pelaksanaan dan prosedur tauliah mengajar yang diguna pakai oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis, termasuk proses permohonan, ujian bertulis, temuduga serta mekanisme kelulusan dan pentauliah. Kedua, kajian ini meneliti elemen-elemen

pengukuhan dan pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan pemegang tauliah sentiasa aktif, kompeten dan berperanan dalam masyarakat, seperti penyertaan dalam kursus, simposium serta pelaporan aktiviti mengajar. Ketiga, kajian ini berusaha membina satu model konseptual tadbir urus tauliah mengajar yang menekankan keseimbangan antara pelaksanaan, pengukuhan dan pemantauan, sebagai asas kepada sistem penyampaian ilmu agama yang berstruktur dan berkualiti di peringkat negeri.

SOROTAN LITERATUR

Konsep *quality governance* dalam pendidikan Islam menekankan hubungan antara tadbir urus yang telus dan proses penjaminan kualiti berasaskan nilai Islam. Ia bukan sahaja berkaitan dengan pematuhan peraturan pentadbiran, tetapi turut melibatkan pelaksanaan prinsip akauntabiliti, ketelusan, profesionalisme, dan penambahbaikan berterusan dalam sistem pendidikan (Jami & Muharam, 2022; Nurjaman et al., 2022). Menurut Qodri et al. (2022), penerapan *Total Quality Management (TQM)* dalam institusi pendidikan Islam memastikan keberkesanan penyampaian ilmu, meningkatkan prestasi tenaga pengajar, dan memperkukuh budaya kerja yang berorientasikan kualiti.

Komsiyah (2021) menegaskan bahawa pelaksanaan jaminan kualiti dalaman dalam institusi pendidikan Islam bukan sekadar memenuhi piawaian luaran, tetapi bertujuan memperkukuh sistem nilai dan moral pengajar agar penyampaian ilmu tidak terpisah daripada akhlak dan integriti. Pendapat ini turut disokong oleh Solikhin dan Suwadi (2022) yang menyatakan bahawa konsep *Integrated Quality Management* dalam pendidikan Islam menuntut keselarasan antara kualiti akademik dan kualiti spiritual.

Dalam konteks pengurusan Islam, Mahmod dan Buang (2021) menegaskan bahawa profesionalisme seseorang yang berperanan dalam bidang Syariah bergantung kepada tahap ilmu, integriti, dan kesedaran terhadap tanggungjawab agama. Justeru, tadbir urus yang berkesan perlu berpaksikan kepada prinsip maqasid syariah, bukan sahaja menjaga disiplin organisasi, tetapi juga memastikan keabsahan dan keberkatan sesuatu urusan. Oleh itu, sistem tauliah mengajar di bawah Jabatan Mufti boleh dianggap sebagai bentuk *Islamic Quality Governance*, yang bukan hanya mengawal siapa yang boleh mengajar, tetapi juga memastikan keberterusan peningkatan kualiti ilmu dan profesionalisme pengajar.

Sistem tauliah mengajar di Malaysia berfungsi sebagai mekanisme kawalan terhadap penyampaian ajaran Islam oleh individu dalam masjid, surau, atau institusi pengajian Islam. Menurut Nor Hanani Ismail et al. (2024), pelaksanaan tauliah di negeri-negeri seperti Kedah dan Perlis dilaksanakan di bawah bidang kuasa Jabatan Mufti Negeri, dengan struktur yang menekankan prosedur permohonan, ujian bertulis, temuduga, dan pentauliah rasmi oleh Majlis Agama Islam Negeri. Prosedur ini menunjukkan bahawa tauliah bukan hanya lesen mengajar, tetapi satu sistem pentadbiran yang menilai kelayakan keilmuan, adab, dan kebolehpercayaan seseorang individu untuk menyampaikan ilmu agama secara sah.

Namun, pelaksanaannya berbeza antara negeri. Kajian Muhammad Nurdin Haikal et al. (2025) menegaskan bahawa variasi ini menimbulkan isu ketidaksaan dalam syarat kelayakan dan prosedur penilaian, sehingga wujud keperluan untuk membangunkan model standardisasi tauliah di peringkat nasional. Dalam sesetengah negeri, proses tauliah dilihat terlalu ketat atau bersifat birokratik, menyebabkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat bahawa ia menyukarkan individu berilmu untuk berdakwah.

Walau bagaimanapun, Negeri Perlis memperlihatkan pendekatan pelaksanaan yang lebih inklusif dan pragmatik. Berdasarkan dokumen Jabatan Mufti Negeri Perlis (2024), kriteria pemohon tauliah tidak terhad kepada mereka yang berpendidikan formal, tetapi turut memberi peluang kepada individu berpendidikan tidak formal seperti lulusan pondok dan bekas pelajar institusi luar negara seperti Yaman dan Maghribi. Tambahan pula, negeri ini turut menerima permohonan daripada warga asing yang layak dan membenarkan sesi ujian dalam Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris. Pendekatan ini mencerminkan keterbukaan dan adaptasi terhadap realiti globalisasi ilmu Islam, di mana keilmuan tidak diukur hanya melalui kelayakan akademik, tetapi juga melalui pengalaman dan kefahaman mendalam terhadap agama.

Namun demikian, sistem ini juga tidak terlepas daripada cabaran. Proses saringan yang ketat, keperluan ujian bertulis dan lisan, serta pemantauan berterusan terhadap keaktifan pemegang tauliah kadangkala disalah tafsir sebagai bentuk sekatan terhadap kebebasan berdakwah. Walhal, seperti dinyatakan oleh Ibrahim (2019), pengawalan terhadap penyampaian agama adalah sebahagian daripada tanggungjawab *hifz al-din* (pemeliharaan agama) yang mesti diurus secara berhikmah agar tidak mengundang kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Aspek pengukuhan sistem tauliah bukan sahaja bertujuan memastikan kepatuhan prosedur, tetapi juga memperkukuh keaktifan dan kompetensi tenaga pengajar. Menurut Nurjaman et al. (2022), penjaminan mutu dalam pendidikan Islam harus dilakukan secara berterusan untuk memastikan kesinambungan keilmuan dan keimanan dalam masyarakat. Dalam konteks ini, Jabatan Mufti Negeri Perlis melaksanakan beberapa inisiatif pengukuhan seperti *Simposium Pemegang Tauliah Mengajar* dan kursus bidang khusus seperti Ibadah, Ilmu Hadis, dan *Tazkiyah al-Nafs*, yang wajib dihadiri oleh semua pemegang tauliah. Kehadiran dan penglibatan mereka dalam program ini dijadikan indikator keaktifan dan ukuran prestasi dalam penilaian pembaharuan tauliah.

Perlis juga memperkenalkan pendekatan yang unik dengan menyediakan elaun tahunan kepada guru-guru bertauliah yang aktif mengajar di masjid dan surau di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Menurut laporan Jabatan Mufti Negeri Perlis (2023), lebih 490 orang guru agama dan guru Al-Quran kini menerima elaun berdasarkan tuntutan yang sah, dengan syarat pengajaran dijalankan sekurang-kurangnya satu jam dan dihadiri sepuluh peserta. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan motivasi tenaga pengajar, tetapi turut memperkukuh keberkesanan penyampaian ilmu agama di peringkat akar umbi.

Penyertaan aktif pemegang tauliah dalam masyarakat turut menjadi kayu ukur keberkesanan dakwah berasaskan *quality governance*. Saputro (2020) menegaskan bahawa peranan guru agama yang aktif dalam masyarakat adalah kunci kepada pembentukan generasi yang berakhlak dan bertoleransi. Justeru, sistem pemantauan berasaskan laporan aktiviti dan pembaharuan sijil yang diamalkan di Perlis bukan sekadar keperluan pentadbiran, tetapi sebahagian daripada strategi *governance by engagement* yang mengekalkan hubungan langsung antara institusi agama dan masyarakat.

Di samping itu, pendekatan ini juga selaras dengan keperluan semasa era *Society 5.0* yang menuntut pengajar agama menguasai literasi teknologi, literasi manusia, dan literasi data dalam memperluas dakwah melalui platform digital (Syafaruddin, 2024). Ini membuktikan bahawa sistem tauliah mengajar yang dilaksanakan dengan prinsip *quality governance* bukan

hanya mengekalkan disiplin agama, tetapi juga menggalakkan inovasi dan kebolehsuaian dalam menyebarkan ilmu Islam kepada masyarakat moden.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk analisis konseptual yang bertujuan meneliti dan menghuraikan pelaksanaan sistem tadbir urus tauliah mengajar di Negeri Perlis secara mendalam. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai bagi memahami konteks pelaksanaan sesuatu dasar atau sistem pentadbiran agama Islam melalui interpretasi terhadap dokumen rasmi dan pandangan pihak pelaksana. Pemilihan sumber data dan informan kajian dibuat secara bertujuan, berdasarkan penglibatan langsung informan dalam pelaksanaan sistem tauliah mengajar. Fokus kajian tertumpu pada aspek pelaksanaan, pengukuhan, dan pemantauan dalam proses pentauliah yang dijalankan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Kajian ini bersifat analisis konseptual dan tematik, dengan menggabungkan analisis dokumen dan data temu bual untuk membina kefahaman yang holistik terhadap sistem tadbir urus tauliah mengajar. Proses analisis melibatkan pengumpulan data, pengekodan awal, penentuan tema utama, dan pembinaan model konseptual berdasarkan tema pelaksanaan, pengukuhan dan pengembangan ilmu. Kajian ini menggunakan dua kaedah utama, iaitu:

Analisis Dokumen

Kaedah ini digunakan untuk meneliti sumber rasmi yang berkaitan dengan pelaksanaan tauliah mengajar di Negeri Perlis. Antara dokumen yang dianalisis ialah dokumen dari laman sesawang rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis serta laporan berkaitan dari Jabatan Mufti Perlis

Analisis dokumen ini membantu mengenal pasti struktur, aliran proses, dan prinsip tadbir urus yang diaplikasikan dalam sistem tauliah di negeri tersebut.

Temu Bual Mendalam

Temu bual dijalankan secara bersemuka dengan seorang informan utama iaitu pegawai di Jabatan Mufti Negeri Perlis, Ustaz Ahmad Hafiz bin Jaafar, Pegawai Hal Ehwal Islam, yang terlibat secara langsung dalam urusan pentauliah dan pemantauan pengajaran agama di negeri ini. Sesi temu bual dijalankan secara separa berstruktur, berpanduan empat aspek utama:

1. Matlamat dan prosedur mendapatkan tauliah mengajar.
2. Kriteria dan kelayakan pemohon, termasuk sebarang pengecualian.
3. Mekanisme pemantauan dan penilaian pemegang tauliah.
4. Pandangan terhadap cabaran dan impak tauliah terhadap perkembangan dakwah di Negeri Perlis.

Data temu bual dirakam dan ditranskripsi sepenuhnya sebelum dianalisis secara tematik. Kaedah ini membolehkan penyelidik memahami perspektif pelaksana dasar dan mendapatkan penjelasan lanjut yang tidak terdapat dalam dokumen rasmi.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan analisis tematik enam langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Pendekatan ini terus digunakan secara meluas dalam kajian kualitatif kontemporari (Braun & Clarke, 2021).

1. Membaca dan meneliti data secara menyeluruh.
2. Menjana kod awal berdasarkan kandungan data.
3. Mengenal pasti tema awal (pelaksanaan, pengukuhan, dan pemantauan).
4. Menyemak semula tema mengikut kesesuaian dengan objektif kajian.
5. Mentafsir makna dan hubungan antara tema.
6. Membina model konseptual tadbir urus tauliah mengajar berasaskan tema akhir.

Proses ini membolehkan penyelidik menghubungkan dapatan empirikal dengan kerangka *quality governance* secara tersirat melalui aspek pelaksanaan, pengukuhan, dan pemantauan yang dikaji.

Negeri Perlis dipilih sebagai lokasi kajian kerana sistem tauliah mengajar di negeri ini memperlihatkan pendekatan tadbir urus yang inklusif dan berstruktur. Berbeza dengan kebanyakan negeri lain, Jabatan Mufti Negeri Perlis membuka peluang kepada calon berpendidikan formal dan tidak formal, termasuk lulusan pondok dan pemohon antarabangsa. Tambahan pula, negeri ini turut memperkenalkan mekanisme pemantauan berasaskan keaktifan pemegang tauliah, menyediakan elaun kepada guru bertauliah yang aktif mengajar, serta melaksanakan penilaian berkala melalui laporan aktiviti dan simposium tahunan. Keunikan ini menjadikan Perlis kes kajian yang sesuai bagi membina model konseptual tadbir urus tauliah mengajar Islam di Malaysia (Jabatan Mufti Negeri Perlis).

DAPATAN KAJIAN

Asas Pelaksanaan Tauliah Mengajar di Negeri Perlis

Secara umumnya, keperluan tauliah mengajar di negeri Perlis adalah selaras dengan peraturan yang diamalkan di kebanyakan negeri lain di Malaysia. Setiap negeri mempunyai peruntukan enakmen agama Islam yang menetapkan bahawa mana-mana individu tidak dibenarkan mengajar agama Islam di negeri tersebut tanpa tauliah yang sah. Tauliah ini hendaklah diperoleh daripada pihak berkuasa agama negeri yang ditauliahkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis. Pengecualian hanya diberikan kepada pengajaran yang dilakukan dalam kalangan keluarga sendiri di rumah, manakala bagi pengajaran umum di masjid, surau, atau tempat awam, seseorang mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran rasmi melalui tauliah. Tujuan utama pelaksanaan tauliah ini adalah untuk memastikan ajaran sesat dan penyelewengan agama dapat dielakkan, serta dakwah Islam disampaikan oleh individu yang berkelayakan dan berwibawa. Dari sudut pelaksanaan, setiap individu yang berhasrat untuk mendapatkan tauliah mengajar agama Islam di negeri Perlis perlu mengisi borang permohonan rasmi. Borang ini boleh diperoleh melalui laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Perlis atau secara terus di pejabat jabatan berkenaan. Bagi pemohon yang hadir secara fizikal, pihak jabatan akan menyediakan sesi taklimat (*briefing*) untuk memberi panduan mengenai cara menjawab soalan dan tatacara permohonan.

Selain itu, Ustaz Ahmad Hafiz bin Jaafar merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam berkata, Jabatan Mufti Negeri Perlis menyediakan video panduan dalam laman Facebook rasmi mereka. Video tersebut menerangkan keseluruhan prosedur permohonan, cara menjawab soalan ujian bertulis, serta syarat-syarat kelayakan bagi pemohon tauliah. Setelah pemohon melengkapkan borang permohonan, mereka perlu menyertakan salinan kad pengenalan (IC) serta sijil akademik yang berkaitan. Semua maklumat ini akan digunakan oleh pihak Jabatan Mufti dalam proses semakan sebelum calon dipanggil menghadiri sesi ujian atau temuduga yang ditetapkan. Selain pemohon berpendidikan formal, Jabatan Mufti Negeri Perlis turut membuka peluang kepada pemohon yang mempunyai latar belakang pendidikan tidak formal untuk memohon tauliah mengajar. Hal ini termasuk mereka yang mendapat pendidikan di institusi pondok atau pernah berkhidmat dalam institusi agama tanpa kelulusan akademik rasmi seperti SPM atau ijazah. Pendekatan ini mencerminkan keterbukaan pihak jabatan dalam menilai kelayakan calon berdasarkan pengalaman dan ilmu sebenar yang dimiliki, bukan semata-mata kelulusan akademik. Ada antara pemohon yang datang daripada latar belakang pondok tradisional, malah ada juga yang pernah menuntut ilmu di luar negara seperti Yaman dan Maghribi (Morocco).

Selain warga tempatan, Jabatan Mufti Negeri Perlis turut menerima permohonan daripada warga asing (*foreigner*) yang berminat untuk mengajar di negeri tersebut. Antara negara asal mereka termasuk Nigeria, Arab Saudi, India, Pakistan, dan Indonesia. Bagi pemohon luar negara, sesi temuduga dijalankan dalam Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris, bergantung kepada kemampuan calon. Mereka turut menduduki ujian bertulis yang telah diterjemahkan bagi memastikan kefahaman terhadap soalan yang dikemukakan. Pihak jabatan juga menegaskan bahawa Perlis tidak mengehadkan tauliah hanya kepada penduduk tempatan, sebaliknya membuka peluang kepada pendakwah dan tenaga pengajar dari luar negeri. Pendekatan ini menzahirkan sikap inklusif dan keterbukaan dalam memperkukuh dakwah Islam di negeri Perlis.

Proses Penilaian Calon Tauliah Mengajar di Negeri Perlis

Setelah borang permohonan tauliah mengajar lengkap dan diterima oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis, calon akan menerima surat panggilan bagi menduduki ujian bertulis. Proses penjadualan ujian ini biasanya mengambil masa sekitar dua minggu selepas borang diterima.

Sebelum ujian dijalankan, soalan ujian disediakan oleh pegawai-pegawai jabatan mengikut bidang kepakaran masing-masing, dan setiap set soalan akan melalui proses semakan serta pengesahan (endorsement) oleh pihak pengurusan jabatan. Hal ini bagi memastikan soalan yang dibangunkan menepati tahap dan standard penilaian yang ditetapkan.

Ujian bertulis bagi tauliah umum merangkumi lima hingga enam bidang utama, iaitu:

1. Aqidah dan Pemikiran Islam
2. Al-Quran dan Ulum al-Quran
3. Hadis dan Ulum al-Hadith
4. Fiqh dan Fiqh al-Mu'āmalāt
5. Adab, Tazkiyah al-Nafs dan Akhlaq
6. Bahasa Arab (bagi calon yang memilih bidang ini)

Menurut Ustaz Ahmad Hafiz lagi, setiap bidang diperuntukkan markah antara 15 hingga 20 markah, menjadikan jumlah keseluruhan markah 100 markah bagi satu ujian bertulis. Calon dinilai berdasarkan kefahaman, kemampuan menulis hujah agama dengan baik, dan pengetahuan asas dalam bidang masing-masing. Bagi calon tauliah di Negeri Perlis, selepas ujian bertulis dijalankan, masa pemprosesan keputusan dan panggilan ke ujian lisan ialah sekitar dua bulan, walaupun kebiasaannya tempoh tersebut lebih singkat. Calon perlu memperoleh markah minimum 50% dalam ujian bertulis untuk layak ke peringkat temuduga. Setelah calon melepasi peringkat ujian bertulis, mereka akan dipanggil untuk menduduki ujian lisan (temuduga). Dalam pelaksanaan sebenar, terdapat juga calon yang gagal membaca Al-Quran dengan baik walaupun lulus sebahagian ujian bertulis. Justeru, bagi memastikan keadilan, pihak Jabatan Mufti membenarkan calon menjawab ujian dalam Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris, dan pihak jabatan akan menyediakan terjemahan kepada soalan-soalan tersebut untuk memudahkan kefahaman calon. Selain itu, selepas ujian bertulis, calon akan dimasukkan ke dalam kumpulan (group) komunikasi rasmi jabatan, di mana mereka diberikan maklumat lanjut tentang prosedur temuduga, senarai bahan rujukan, serta kitab-kitab yang digunakan. Senarai ini disusun mengikut bidang seperti Al-Quran, Hadith, Fiqh, dan Aqidah. Walaupun bukan dalam bentuk silibus rasmi, rujukan tersebut dijadikan panduan umum kepada calon untuk membuat persediaan sebelum temuduga. Dalam proses penilaian keseluruhan, ujian bertulis menyumbang 20% daripada markah akhir, manakala ujian lisan (interview) menyumbang 80%. Ini kerana ujian lisan bertujuan menilai kefahaman sebenar calon serta keupayaan mereka untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat, sesuai dengan peranan mereka sebagai pendakwah atau tenaga pengajar.

Dalam ujian lisan, calon akan diminta:

- Membaca dan menjelaskan ayat Al-Quran bagi menilai bacaan dan kefahaman tajwid.
- Menjawab soalan-soalan berkaitan bidang yang dipohon (contohnya fiqh, aqidah, atau hadis).
- Menunjukkan keupayaan menjawab soalan dengan jelas dan beradab.

Ustaz Ahmad Hafiz menyatakan bahawa calon yang memohon tauliah mengajar Al-Quran sahaja tidak dibenarkan mengajar bidang lain kerana tauliah tersebut dikhususkan untuk bacaan dan pengajaran tajwid semata-mata. Sebaliknya, calon yang memperoleh tauliah umum diberi kebenaran untuk mengajar dalam semua bidang yang disenaraikan, termasuk Al-Quran. Walau bagaimanapun, tauliah yang dikeluarkan oleh Negeri Perlis hanya sah digunakan di negeri tersebut dan tidak boleh digunakan di negeri lain tanpa kebenaran atau tauliah yang berasingan daripada pihak berkuasa agama negeri berkenaan. Ujian lisan dijalankan di bawah penyeliaan rasmi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perlis, yang dilantik secara tahunan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis. Struktur jawatankuasa bagi sesi 2024 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1	Sahibus Samahah Mufti Negeri Perlis	Pengerusi
2	Sahibul Fadhillah Tuan Haji Tajul Urus bin Abdul Halim	Ahli
3	Sahibul Fadhillah Syed Aisam bin Syed Idris Al-Habshe	Ahli
4	Sahibul Fadhillah Ustaz Mohd Rizal bin Azizan	Ahli

5	Sahibul Fadhilah Tuan Haji Najmuddin bin Abdul Karim	Ahli
6	Sahibul Fadhilah Ustaz Ahmad Sirajuddin bin Abdul Satar	Ahli
7	Sahibul Fadhilah Dr. Muhammad Dhiya'ul Hafidh bin Fatah Yasin	Ahli
8	Sahibul Fadhilah Ustaz Mohamad Adnin bin Yahya	Ahli
9	Sahibul Fadhilah Ustaz Ahmad Hafiz bin Jaafar	Setiausaha
10	Ustazah Siti Sarah binti Saidin	Urus Setia

Pelantikan ahli jawatankuasa diperbaharui setiap tahun (renewal) dan sebarang perubahan akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Proses Penilaian Akhir oleh Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perlis

Selepas calon menduduki ujian lisan (temuduga), markah penuh bagi kedua-dua ujian bertulis (20%) dan lisan (80%) akan dikumpulkan untuk proses pemarkahan akhir. Menurut Ustaz Ahmad Hafiz keputusan keseluruhan calon kemudiannya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perlis bagi pertimbangan dan kelulusan muktamad.

1. Penilaian dan Pertimbangan Jawatankuasa

Jawatankuasa akan meneliti semua markah, ulasan panel penilai, serta rekod prestasi calon. Tidak semua calon yang menghadiri temuduga akan diluluskan secara automatik. Kelayakan calon dinilai bukan hanya berdasarkan kemampuan membaca atau menulis, tetapi juga kefahaman, pandangan dan cara penyampaian.

Ada calon yang memiliki pengetahuan agama yang baik, namun pandangannya didapati lari daripada landasan Ahli Sunnah Wal Jamaah atau tidak sesuai untuk disampaikan kepada masyarakat. Dalam keadaan ini, jawatankuasa berhak menolak permohonan bagi menjaga kesucian dan ketepatan ajaran Islam di negeri Perlis.

Tambah Ustaz Ahmad Hafiz temuduga dijalankan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, bergantung kepada kesesuaian calon dan bidang permohonan. Bagi bidang umum, soalan meliputi semua topik utama seperti aqidah, fiqh, hadis, tafsir, dan adab. Namun bagi bidang khusus (contohnya fiqh atau bahasa Arab), soalan dan perbincangan akan dijalankan secara lebih mendalam mengikut kepakaran.

2. Pengesahan dan Saringan Keselamatan

Selepas penilaian akademik selesai, senarai calon yang dicadangkan untuk kelulusan akan dihantar kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan tapisan keselamatan (background check). Ustaz Ahmad Hafiz berkata, langkah ini penting untuk memastikan calon yang diluluskan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah, kegiatan ekstremisme, atau pelanggaran undang-undang.

Surat tawaran tauliah hanya akan dikeluarkan selepas pengesahan PDRM diterima. Dalam surat panggilan awal, calon telah dimaklumkan bahawa sekiranya tidak menerima maklum balas dalam tempoh dua bulan selepas temuduga, permohonan dianggap tidak berjaya. Walau

bagaimanapun, kebanyakan keputusan dimaklumkan lebih awal, sekitar tiga hingga empat minggu selepas sesi temuduga.

3. Kekerapan Ujian dan Pengambilan Calon

Jabatan Mufti Negeri Perlis biasanya melaksanakan ujian tauliah dua kali setahun, bergantung kepada keperluan dan jumlah permohonan semasa. Setiap sesi ujian melibatkan sekitar 100 orang calon bagi ujian bertulis, diikuti dengan penilaian temuduga bagi calon yang layak.

Bagi calon yang gagal dalam ujian lisan, mereka dibenarkan untuk memohon semula dalam tempoh enam bulan (masa bertenang). Dalam tempoh ini, calon digalakkan membuat persediaan semula dan mengulang kaji bahan ujian. Sekiranya mereka memohon dalam tempoh enam bulan tersebut, borang permohonan asal akan digunakan semula dengan tarikh baharu, tetapi calon perlu menduduki semula ujian bertulis dan ujian lisan.

Dalam kes tertentu, menurut Ustaz Ahmad Hafiz jika calon menunjukkan kesungguhan dan penambahbaikan, Mufti Negeri Perlis boleh memberi pertimbangan untuk membenarkan calon dipanggil semula ke sesi temuduga berikutnya, atas dasar ihsan dan penilaian semula akademik.

4. Dasar Pengecualian bagi Pemohon Berkelulusan Tinggi

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) kira-kira dua tahun lalu, satu ketetapan telah dibuat bahawa pemohon yang memiliki kelulusan Sarjana (Master) atau Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang pengajian Islam akan dikecualikan daripada menduduki ujian bertulis.

Walau bagaimanapun, mereka masih perlu mengisi borang permohonan rasmi dan menghadiri sesi temuduga (ujian lisan) bagi tujuan penilaian kelayakan dan adab penyampaian. Dasar ini diguna pakai bagi mempercepatkan proses kelulusan calon yang telah terbukti memiliki tahap akademik tinggi dalam bidang berkaitan.

Sebelum dasar ini diperkenalkan, semua calon termasuk pemegang PhD dan Master diwajibkan menjalani ujian bertulis. Namun hasil penelitian dan kajian semula, termasuk dapatan daripada geran penyelidikan berkaitan tauliah mengajar, pihak berkuasa agama melihat keperluan untuk memberi kelonggaran ini bagi menghormati tahap kelulusan akademik calon.

Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak bermakna kelulusan automatik. Terdapat kes di mana calon berkelulusan tinggi tidak lulus kerana lemah dalam asas aqidah, adab dakwah, atau kaedah penyampaian. Hal ini menunjukkan bahawa kelulusan akademik tidak menjamin kelayakan mengajar tanpa penilaian sahiah dan kefahaman agama yang seimbang.

Proses Kelulusan, Pengeluaran Sijil dan Pembaharuan Tauliah Mengajar di Negeri Perlis

1. Kelulusan Akhir dan Endorsement oleh Majlis

Setelah calon lulus ujian bertulis dan lisan, serta melepasi tapisan keselamatan PDRM, senarai nama calon yang disahkan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perlis. Apabila jawatankuasa bersetuju dengan hasil penilaian tersebut, senarai calon berkenaan akan diangkat ke Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) untuk mendapatkan endorsement rasmi.

Setelah diperakukan oleh majlis, barulah sijil Tauliah Mengajar dikeluarkan. Sijil ini ditandatangani sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, selaku Yang Dipertua MAIPs. Hal ini sejajar dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis yang menetapkan bahawa sebarang kebenaran mengajar agama Islam mesti mendapat perkenan bertulis daripada Yang Dipertua Majlis (Jabatan Mufti Negeri Perlis). Pegawai pelaksana atau setiausaha jabatan tidak mempunyai kuasa untuk menandatangani atau mengesahkan sijil tauliah, kerana hanya perkenan rasmi daripada pihak Tuanku yang menjadikan tauliah tersebut sah dari segi undang-undang (Temu bual bersama Ustaz Ahmad Hafiz bin Jaafar, 2025)

2. Penyerahan Sijil dan Simposium Pemegang Tauliah

Setelah sijil siap dan ditandatangani, Majlis Penyerahan Sijil Tauliah Mengajar biasanya diadakan dalam bentuk Simposium Pemegang Tauliah dan Pengajar Agama, yang turut disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis sendiri. Dalam majlis ini, Tuanku menyerahkan sijil tauliah secara rasmi kepada para pemegang tauliah, menandakan pengiktirafan rasmi negeri terhadap kelayakan dan tanggungjawab mereka sebagai penyampai ilmu agama.

3. Status Guru KAFA dan Pengecualian

Bagi guru KAFA di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), mereka hanya dibenarkan mengajar di premis sekolah atau institusi KAFA yang ditetapkan. Namun, sekiranya mereka ingin mengajar di luar institusi KAFA seperti di masjid, surau atau pondok, mereka tetap perlu memohon tauliah umum daripada Jabatan Mufti Negeri Perlis.

5. Tempoh Sah Laku dan Pembaharuan Tauliah

Tempoh sah laku setiap sijil tauliah biasanya antara tiga (3) hingga lima (5) tahun, bergantung kepada pertimbangan jawatankuasa dan kelulusan pihak berkuasa agama negeri. Dalam keadaan tertentu, tempoh sah laku semua tauliah diseragamkan contohnya, semua sijil yang dikeluarkan dari tahun 2022 hingga 2023 ditetapkan tamat pada 31 Disember 2025.

Apabila tempoh tauliah hampir tamat, pemegang tauliah perlu menghantar semula sijil asal sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh luput bagi tujuan semakan dan pembaharuan. Proses pembaharuan melibatkan langkah berikut:

1. Pengumpulan semua sijil tauliah sedia ada oleh bahagian pengurusan.
2. Pelaksanaan bengkel pemurnian (renewal workshop) bagi menilai semula kelayakan dan prestasi pemegang tauliah.
3. Tapisan keselamatan baharu oleh PDRM (jika perlu).

4. Kelulusan semula oleh Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perlis.
5. Endorsement oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.

Sijil yang diperbaharui akan dikemaskini dengan cop rasmi tarikh tamat baharu pada bahagian belakang sijil. Sekiranya terdapat isu disiplin atau aduan terhadap pemegang tauliah, pihak jabatan berhak menarik balik tauliah tersebut lebih awal daripada tempoh asal.

Cabaran Persepsi dan Keperluan Pembaharuan Tauliah

Walaupun pelaksanaan sistem tauliah mengajar bertujuan menjaga ketulenan ilmu dan memastikan penyampaian dakwah yang sahih, masih wujud persepsi dalam kalangan masyarakat bahawa mendapatkan tauliah merupakan satu proses yang rumit dan membebankan. Sebahagian individu berpandangan bahawa prosedur permohonan, ujian bertulis dan temuduga berulang kali menimbulkan kesukaran serta menjejaskan kelancaran penyebaran ilmu agama kepada masyarakat.

Namun demikian, pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis menjelaskan bahawa proses pentauliah ini bukan bertujuan menyusahkan, sebaliknya menjamin keabsahan dan kesinambungan keilmuan dalam kalangan pendakwah dan pengajar agama. Analogi yang sering digunakan ialah seperti lesen memandu atau perakuan profesional seorang pemandu perlu memperbaharui lesen bagi memastikan kenderaan dan kemahiran memandunya kekal sah, begitu juga seorang doktor yang perlu menjalani latihan berkala untuk memastikan kepakarannya sentiasa relevan.

Begitu juga dalam konteks tauliah mengajar; ilmu agama bersifat dinamik dan sentiasa berkembang, maka keperluan pembaharuan tauliah berperanan memastikan para pengajar agama tidak ketinggalan dalam kefahaman, metodologi, dan konteks semasa. Sekiranya seseorang tidak lagi aktif mengajar atau berinteraksi dengan masyarakat, maka nilai dan manfaat tauliahnya menjadi terhad (Temu bual bersama Ustaz Ahmad Hafiz bin Jaafar, 2025).

Pemantauan dan Aktiviti Pemegang Tauliah

Bagi memastikan keberkesanan sistem ini, Jabatan Mufti Negeri Perlis turut menekankan aspek pemantauan dan penglibatan aktif pemegang tauliah dalam masyarakat. Pemegang tauliah digalakkan menyertai program dan kursus anjuran jabatan seperti:

- Simposium Pemegang Tauliah Mengajar, diadakan setiap tahun sebagai platform pembaharuan ilmu dan perkongsian pengalaman.
- Kursus Bidang Khusus seperti Kursus Ibadah, Kursus Ilmu Hadis, dan Kursus *Tazkiyah al-Nafs* yang diwajibkan secara berkala bagi memperkukuh kefahaman dan kemahiran pengajaran.

Kehadiran dan penyertaan aktif pemegang tauliah dalam program-program ini dijadikan petunjuk kepada tahap komitmen dan keberfungsian mereka sebagai pendakwah. Sebaliknya, bagi individu yang memperoleh sijil tauliah tetapi tidak aktif dalam masyarakat atau tidak

hadir ke program pemantapan, jabatan berhak menilai semula kesesuaian mereka untuk disambung tauliah.

Seperti yang ditegaskan oleh pegawai Jabatan Mufti:

"Jika seseorang memiliki sijil tetapi tidak mengajar, tidak menghadiri program dan tidak berperanan dalam masyarakat, maka apa manfaatnya sijil itu selain sekadar penghias bingkai?"

Maka, sistem pembaharuan tauliah bukanlah satu bentuk kekangan, tetapi mekanisme kawalan kualiti (quality control) bagi memastikan bahawa setiap individu yang diberi kepercayaan untuk mengajar agama Islam benar-benar aktif, berilmu, dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Pelantikan dan Pembiayaan Guru-Guru Bertauliah di Negeri Perlis

1. Latar Pelaksanaan

Sejak tahun 2021, Jabatan Mufti Negeri Perlis telah memperkukuh sistem pelantikan dan pembiayaan guru-guru bertauliah bagi memastikan pengajaran agama Islam di negeri ini dilaksanakan secara tersusun dan berstruktur. Pada peringkat awal, jumlah guru yang terlibat hanyalah sekitar 75 orang, terdiri daripada 30 guru Al-Quran dan 40 guru agama (umum) yang berkhidmat di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Kesedaran terhadap keperluan masyarakat kepada pengajaran agama yang sahih dan berautoriti mendorong pihak jabatan untuk memperluas peranan ini. Inisiatif tersebut bermula dengan penyediaan kertas cadangan rasmi kepada MAIPs, yang kemudiannya diluluskan dengan peningkatan peruntukan tahunan secara berperingkat:

- Tahun pertama: RM500,000
- Tahun kedua: RM1 juta
- Tahun ketiga: RM2.5 juta
- Peruntukan terkini: RM3 juta setahun

Peruntukan ini digunakan untuk membiayai elaun guru-guru Al-Quran dan guru-guru agama yang dilantik secara rasmi melalui proses pentauliah yang sah.

2. Mekanisme Pembiayaan

Setakat ini, terdapat 490 orang guru bertauliah yang sedang berkhidmat di seluruh negeri Perlis. Setiap masjid di Perlis kini menempatkan dua (2) orang guru agama dan tiga (3) orang guru Al-Quran, masing-masing untuk kumpulan dewasa lelaki, muslimat, dan kanak-kanak. Secara keseluruhannya, terdapat 101 buah masjid aktif yang digunakan sebagai pusat pelaksanaan pengajaran agama ini (tidak termasuk institusi tentera dan jabatan lain). Guru-guru bertauliah ini menerima elaun berdasarkan tuntutan (claim) yang disahkan melalui sistem MAIPs. Elaun diberikan bagi setiap sesi pengajaran yang memenuhi syarat:

- Tempoh minimum: 1 jam bagi setiap sesi.
- Jumlah minimum pelajar: sekurang-kurangnya 10 orang peserta.


Bagi individu yang tidak hadir atau tidak melaksanakan kelas seperti dijadualkan, tuntutan elaun tidak dibenarkan.

3. Pemantauan dan Penilaian

Setiap guru bertauliah diwajibkan membuat laporan aktiviti pengajaran secara berkala kepada Jabatan Mufti. Melalui laporan inilah jabatan dapat mengenal pasti:

- Guru yang aktif dan berperanan dalam masyarakat.
- Guru yang tidak aktif atau tidak lagi mengajar.

Maklumat ini seterusnya digunakan untuk menentukan sama ada seseorang pemegang tauliah layak disambung, diperbaharui, atau ditamatkan tempoh tauliahnya.



Rajah 1: Model Tadbir Urus Tauliah Mengajar Di Negeri Perlis

Rajah 1 menggambarkan Model Tadbir Urus Tauliah Mengajar di Negeri Perlis yang berasaskan prinsip *quality governance* dan berpaksikan *maqasid syariah*, khususnya pemeliharaan agama (*hifz al-din*) dan akal (*hifz al-'aql*). Model ini menunjukkan bahawa sistem tauliah mengajar tidak hanya berfungsi sebagai mekanisme kawalan pentadbiran, tetapi sebagai satu tadbir urus yang menyepadukan kawalan, pemantauan dan pemerkasaan keilmuan secara berstruktur. Komponen pelaksanaan merangkumi asas pelaksanaan, proses penilaian dan dasar pengecualian yang berperanan memastikan hanya individu yang layak, berautoriti dan berintegriti dibenarkan menyampaikan ilmu agama. Pendekatan ini menzahirkan usaha menjaga kesahihan ajaran Islam serta mengelakkan penyelewengan

akidah dalam penyampaian ilmu kepada masyarakat. Aspek pengukuhan pula menekankan tempoh sah laku tauliah dan pemantauan keaktifan pemegang tauliah. Melalui pengukuhan ini, pengajar agama dinilai bukan sahaja berdasarkan kelayakan awal, tetapi juga melalui keterlibatan aktif dan profesionalisme mereka. Sementara itu, pengembangan ilmu dilaksanakan melalui pelantikan guru bertauliah dan penyediaan pembiayaan berasaskan keaktifan pengajaran. Secara keseluruhannya, rajah ini memperlihatkan keseimbangan antara kawalan autoritatif dan pemerkasaan keilmuan dalam sistem tauliah mengajar di Negeri Perlis, selari dengan prinsip tadbir urus berkualiti dan keperluan pemeliharaan nilai serta integriti ilmu Islam.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemberian tauliah dilaksanakan berdasarkan penilaian menyeluruh yang merangkumi kelayakan ilmu, kefahaman agama, adab penyampaian serta latar belakang sahsiah calon. Proses saringan melalui ujian bertulis, temuduga dan tapisan keselamatan berfungsi sebagai mekanisme kawalan bagi memelihara kesahihan ajaran Islam serta mengelakkan penyelewengan akidah. Pendekatan ini menzahirkan peranan tauliah sebagai instrumen pemeliharaan agama (*hifz al-din*), bukan sekadar kebenaran untuk mengajar. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa pemberian tauliah di Perlis tidak bersifat statik, sebaliknya diperkukuh melalui penetapan tempoh sah laku dan pemantauan keaktifan pemegang tauliah. Pendekatan ini memastikan ilmu yang disampaikan sentiasa relevan, berautoriti dan selari dengan keperluan semasa, sekali gus menyokong pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*). Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemberian tauliah disokong dengan elemen pemerkasaan, khususnya melalui pelantikan guru bertauliah dan penyediaan pembiayaan berasaskan keaktifan pengajaran. Kesimpulannya, pemberian tauliah mengajar di Negeri Perlis mencerminkan satu model tadbir urus Islam yang seimbang antara kawalan autoritatif, penjaminan kualiti dan pemerkasaan keilmuan. Model ini membuktikan bahawa pemberian tauliah yang berasaskan maqasid syariah dan *quality governance* berupaya menjamin kesahihan ilmu, meningkatkan profesionalisme pengajar dan memperkukuh sistem penyampaian ilmu Islam secara berterusan. Oleh itu, pendekatan ini berpotensi dijadikan rujukan dalam memperkukuh amalan pemberian tauliah mengajar di peringkat negeri dan nasional.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada Geran Universiti - Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), UUM dengan tajuk "Tauliah Mengajar dan Ceramah di Masjid: Kajian di Negeri Kedah dan Perlis" dan kod S/O 21615. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian (SLCP), atas pembiayaan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengarang 1: Konseptualisasi kajian, pembangunan kerangka teori, analisis data dan penulisan manuskrip.

Pengarang 2: Pengumpulan data, semakan literatur dan penyuntingan manuskrip.

Pengarang 3: Pengumpulan data dan semakan literatur.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan. Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada penulis koresponden berdasarkan permohonan.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Kajian ini menggunakan GhatGPT dan Jenni AI pada bahagian sorotan literatur. Penggunaan AI ini adalah untuk membantu mengenal pasti literatur yang berkaitan. Seterusnya menganalisis dan merumuskan literatur dalam bentuk rumusan yang mudah dan ringkas untuk difahami.

RUJUKAN

Temu bual bersama Ustaz Ahmad Hafiz bin Jaafar, pada tarikh 19 Februari 2025 di Dewan Kuliyyah Behor Temak, Kangar, Perlis.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>

Braun, V., & Clarke, V. (2021). Thematic analysis: A practical guide. SAGE.

Ibrahim, M. Y. (2019). The religious tolerance practice by *maqasid syariah*. *International Research Journal of Shariah Muamalat and Islam*, 1(2), 1–10. <https://doi.org/10.35631/irjsmi.12001>

Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2024). *Prosedur tauliah mengajar dan ceramah agama di masjid Negeri Perlis*. Retrieved from <https://muftiperlis.gov.my>

Jami, D. Z., & Muharam, A. (2022). Strategy for improving the quality of Islamic religious education study programs with total quality management. *Nidhomul Haq: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 7(2), 267–281. <https://doi.org/10.31538/ndh.v7i2.2096>

Komsiyah, I. (2021). Implementation of internal quality assurance to improve the quality of Islamic education. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 13(3), 2241–2251. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v13i3.1341>

Mahmod, Z., & Buang, A. H. (2021). Professionalism of Syariah judges of Syariah courts according to the perspective of Islamic law. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(26), 1–12. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.626001>

Mergaliyev, A., Asutay, M., Avdukić, A., & Karbhari, Y. (2019). Higher ethical objective

- (*Maqasid al-Shari'ah*) augmented framework for Islamic banks: Assessing ethical performance and exploring its determinants. *Journal of Business Ethics*, 170(4), 797–834. <https://doi.org/10.1007/s10551-019-04331-4>
- Muhammad Nurdin Haikal, A. L., Norazmi, A., Mohd Hapiz, M., Salahudin, S., Mohd Erfino, J., Nurul Badriyah, A., & Ahmad Khairul, A. S. (2025). Cabaran, keperluan dan cadangan pembangunan model standardisasi tauliah mengajar agama Islam kebangsaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10(75 Special Issue), 882–890. <https://doi.org/10.55573/JISED.107573>
- Nor Hanani Ismail, N., Rukiah Abd. Wahab, S., Salmah Omar, & Minah Harun. (2024). *Prosedur tauliah mengajar dan ceramah di masjid: Kajian di negeri Kedah dan Perlis*. In *Proceedings of Seminar Antarabangsa Falsafah dan Tamadun (i-STET 2024)*. Islamic Science University of Malaysia (USIM). <https://ir.upsi.edu.my/items/f7da1a6a-c5fd-4ff5-9302-225f9f812e61>
- Nurjaman, U., Mighwar, M. A., Harun, M., Mu'min, U. A., & Syaie, A. N. K. (2022). Quality assurance Islamic perspective: An alternative in Islamic-based public education institutions. *Cendekia: Jurnal Kependidikan dan Kemasyarakatan*, 1(1), 105–118. <https://doi.org/10.21154/cendekia.v1i1.3986>
- Saputro, F. E. (2020). The role of Islamic religious education teachers in actualizing tolerance attitudes to students. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 12(2), 336–347. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v12i2.214>
- Solikhin, M., & Suwadi, S. (2022). The concept of integrated quality management: Applicative studies. *Nidhomul Haq: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 7(3), 358–370. <https://doi.org/10.31538/ndh.v7i3.2372>
- Syafaruddin, B. (2024). Modernization and renewal of Islamic education in the era of Society 5.0: A systematic review, 3(3), 105–120. <https://doi.org/10.51574/ijrer.v3i3.1802>